



Rujukan Kami : AADK 100-2/2/1 ()

Tarikh : 23 September 2014

**Ketua Pengarang,
Harian Metro,**

Tuan/Puan,

MAKLUMBALAS CADANGAN AWAM MELALUI IMLAPOR MENGENAI RAWATAN DAN PEMULIHAN TERHADAP ARTIS YANG TERLIBAT DALAM MASALAH PENAGIHAN DADAH MELALUI AKHBAR HARIAN METRO PADA 23 SEPTEMBER 2014 DALAM RUANGAN SETEMPAT M/S 25A.

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) ingin merujuk kepada cadangan yang dikemukakan oleh MINANGJATI[IMB99784] melalui akhbar Harian Metro bertarikh 23 September 2014.

3. Sehubungan itu berikut adalah maklumbalas AADK bagi aduan berkenaan:

Adalah dimaklumkan bermula tahun 2010, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) telah memperkenalkan perkhidmatan rawatan dan pemulihan dadah secara sukarela dengan mewujudkan Klinik Cure & Care 1Malaysia dan Cure & Care Service Centre (CCSC). Memberikan perkhidmatan rawatan dan pemulihan dadah secara klinikal kepada klien yang mempunyai masalah penagihan dadah, mereka yang mendapatkan perkhidmatan di klinik berkenaan tidak akan dikenakan sebarang tindakan undang-undang atau sebarang prasyarat disamping perkhidmatan yang ditawarkan adalah PERCUMA.

AADK mengesyorkan agar sesiapa yang terlibat dan terkesan akibat daripada masalah penagihan dadah untuk mendapatkan rawatan dan rujukan di Klinik Cure & Care 1Malaysia atau CCSC yang berhampiran. Maklumat lanjut sila layari www.adk.gov.my.

4. Kerjasama dan perhatian daripada tuan/puan untuk menyiarkan maklumbalas tersebut dalam akhbar amatlah dihargai dan didahului terima kasih.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"KHIDMAT TANPA RASUAH"**

Saya yang menurut perintah,

(SUHAIMI BIN ABDULLAH)

Ketua Pengarah,
Agensi Antidadah Kebangsaan,
Kementerian Dalam Negeri

MEMBASMI DADAH ADALAH TANGGUNGJAWAB KITA BERSAMA
MARILAH BERTINDAK SEGERA

*ERADICATING DRUG ABUSE IS OUR COLLECTIVE RESPONSIBILITY
LETS ACT NOW*



Certified to MS ISO 9001:2008
Cert. No.: KLR 6008765